

# THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

15 NOVEMBER 2024 | BIL : 64  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

## Industry View

**7** CARA KEKAL FOKUS UNTUK  
CAPAI MATLAMAT

# IR. TS. MOHD ZAINUDIN A BAKAR

MEMBINA EMPAYAR DARI BAWAH



# DARI ANAK KAMPUNG KE USAHAWAN BERJAYA

KEJAYAAN TIDAK DATANG  
BERGOLEK DAN KISAH IR. TS.  
MOHD ZAINUDIN A BAKAR ADALAH  
BUKTI BETAPA BESAR HARGA YANG  
PERLU DIBAYAR UNTUK MENCAPAI  
KEJAYAAN YANG KITA IMPIKAN  
SELAMA INI.

Pengasas dan Pengarah Urusan Zabsi Industrial Ventilation Sdn. Bhd. ini berasal dari kampung Binjai di Kemaman, Terengganu. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang miskin. Malah, tak ada siapa pun dalam keluarga yang menjadi usahawan berjaya.

Bapanya merupakan seorang penoreh getah, manakala ibunya melakukan pelbagai kerja kampung untuk menampung kehidupan mereka.

Itu semua bukan halangan untuk beliau ada impian yang besar. Walaupun dibesarkan sebagai anak sulung dalam keadaan yang serba kekurangan, Ir. Zainudin berazam untuk mencapai kejayaan dalam hidupnya.

Melalui usaha keras dan pengorbanan yang dilakukan, beliau akhirnya berjaya melanjutkan

pelajaran hasil tajaan MARA dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di University of Tasmania, Australia.

Perjalanan beliau ke luar negara membuka matanya terhadap dunia yang lebih luas serta mengajar beliau bahawa tiada yang mustahil selagi ada kemahuan.

## **BERHENTI KERJA UNTUK BERNIAGA**

Sekembalinya ke Malaysia, beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Design di syarikat terkenal, Carrier International Sdn. Bhd. Tugas-tugasnya termasuk dalam mengetuai projek besar seperti Lapangan Terbang Chek Lap Kok di Hong Kong dan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau juga pernah bekerja sebagai Jurutera Project di BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. dan menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan sistem hawa dingin di syarikat petrokimia tersebut.

Dari situlah beliau mempelajari selok-belok dunia teknikal, tetapi hatinya mahu masuk ke dunia perniagaan. Ini kerana sebagai pekerja yang makan gaji, tidak mencukupi untuk memenuhi cita-cita besar yang beliau ada.

"Saya tak suka *clock-in* jam kerja ini. Saya tak suka





orang perintah itu ini," katanya mengingati kembali perasaannya ketika bekerja di sektor korporat.

Setelah beberapa tahun bekerja, Ir. Zainudin membuat keputusan yang berani untuk berhenti kerja dan terjun ke dunia perniagaan. Bersama dua rakan kongsi, beliau menubuhkan sebuah syarikat kontraktor penyaman udara.

### **CAPAI JUALAN RM5 JUTA SETAHUN**

Dalam tempoh lapan tahun, syarikat itu berjaya mencatatkan jualan mencecah RM5 juta setahun. Namun, walaupun syarikat menjana pendapatan yang besar, beliau tidak melihat keuntungan yang sebenar.

"Walaupun jualan dah cecah RM5 juta, saya tak nampak duit itu. Kehidupan peribadi dan kewangan saya tetap tak teratur," jelasnya.

Kehidupan peribadinya juga mula terjejas, dengan waktu kerja yang panjang dan hubungan dengan isteri serta keluarga menjadi renggang. Isteri beliau sering menangis kerana tekanan hidup, manakala Ir. Zainudin sendiri tertekan dengan bebanan kewangan yang tak terurus.

Ir. Zainudin mengakui, beliau dan rakan

kongsinya membuat banyak keputusan tanpa bimbingan atau mentor. Mereka gagal memahami kepentingan pengurusan kewangan yang baik.

Keadaan semakin buruk apabila hutang syarikat semakin bertambah, tetapi aliran tunai tidak mencukupi. Lebih teruk lagi, masalah dalaman syarikat menyebabkan beliau terpaksa menjual saham syarikat tersebut untuk menyelesaikan hutang-hutang.

"Saya kesal kerana terpaksa menjual saham saya. Saya hilang kuasa dalam syarikat yang saya bina dengan susah payah," kata Ir. Zainudin dengan nada kecewa.

Namun, inilah realiti pahit yang sering dilalui oleh ramai usahawan baru yang berjaya menjana jualan besar tetapi gagal dalam pengurusan, akhirnya membawa kepada kejatuhan perniagaan.

Ir. Zainudin sendiri pernah dikenakan tindakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan denda atas kesalahan pengurusan cukai.

### **BANGKIT SEMULA SELEPAS GAGAL**

Walaupun pernah melalui kegagalan yang

besar, Ir. Zainudin tidak pernah menyerah kalah. Kegagalan bukanlah titik noktah dalam hidupnya, malah menjadi titik permulaan kepada kejayaan yang lebih besar.

Setelah mengambil sedikit masa untuk merenung dan belajar dari kesilapan lalu serta sokongan penuh daripada isteri tercinta, beliau kembali bangkit dengan semangat yang baru. Beliau menubuhkan semula syarikat baru, iaitu Zabsi Industrial Ventilation Sdn. Bhd..

Ir. Zainudin mula memahami bahawa kejayaan dalam perniagaan bukan sekadar tentang jualan dan keuntungan, tetapi juga tentang pengurusan yang betul, sinergi keluarga dan nilai yang jelas dalam operasi syarikat.

Ir. Zainudin dan isterinya mula bekerja rapat sebagai satu pasukan dan dalam tempoh dua tahun, beliau berjaya melangsaikan semua hutang pinjaman yang dibawa dari syarikat sebelumnya.

Zabsi terus berkembang dan kali ini, syarikat tersebut tidak hanya fokus pada keuntungan, tetapi juga pada tanggungjawab sosial dan menonjol sebagai salah satu syarikat bumiputera yang berpegang teguh pada prinsip ESG (*Environment, Social & Governance*).

Ini memberi syarikatnya kelebihan dalam industri ventilasi, di mana pemuliharaan alam sekitar menjadi semakin penting. Syarikat ini juga telah mendapat akreditasi nasional dalam bidang latihan industri, menjadikan mereka salah satu peneraju dalam latihan teknikal berkaitan ventilasi industri di Malaysia.

## **KEJAYAAN MELONJAKAN HASIL JUALAN**

Transformasi jenama Zabsi mencapai kemuncaknya apabila Ir. Zainudin mula menyedari betapa pentingnya ilmu dan mentor dalam mengendalikan perniagaan.

Pada tahun 2017, beliau menyertai Program Pementoran Platinum di bawah bimbingan Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Program ini membuka matanya terhadap cara mengurus perniagaan yang lebih berkesan, termasuk dalam aspek pengurusan kewangan, pemasaran dan penjenamaan.

“Di sini, saya belajar bahawa niat berniaga bukan sekadar untuk jadi kaya, tetapi untuk memberi manfaat kepada orang lain. Itulah titik perubahan utama bagi saya,” katanya.

Dalam tempoh satu tahun sahaja selepas menyertai program bimbingan tersebut, jualan Zabsi melonjak daripada RM360,000 setahun kepada RM1.3 juta setahun.

Lebih mengagumkan, dalam tahun berikutnya, jualan syarikatnya mencecah RM13.1 juta. Ini merupakan peningkatan yang luar biasa, terutamanya bagi sebuah syarikat bumiputera dalam industri teknikal yang kompetitif.

Dengan bimbingan mentor, Ir. Zainudin belajar untuk mengurus perniagaan dengan lebih bijak dan membina sistem yang efisien. Beliau tidak lagi terlibat secara langsung dalam operasi harian, tetapi fokus kepada strategi pembangunan perniagaan dan hubungan dengan pelanggan.

Zabsi kini diuruskan oleh pasukan pengurusan yang kompeten, dengan 72 orang staf sepenuh masa, termasuk senior operation manager yang mengendalikan operasi harian syarikat.

Ir. Zainudin juga menekankan kepentingan media sosial dalam dunia perniagaan hari ini. Walaupun beliau menguruskan perniagaan yang bersifat teknikal, beliau tetap melabur dalam media sosial untuk membina jenama syarikatnya.





Kini Zabsi aktif di Facebook, Instagram dan TikTok dengan pasukan khas yang mengendalikan posting harian bagi memastikan jenama mereka kekal relevan di mata pelanggan.

**ZABSI Industrial Ventilation Sdn. Bhd.**

Jika berminat untuk mendapatkan perkhidmatan dari ZABSI Industrial Ventilation Sdn. Bhd., layari:

Website: [www.zabsi.com](http://www.zabsi.com)

Facebook: Zabsi Group

Instagram: ZabsiGroup

# 3

## NASIHAT



### PERTAMA, KENA ADA ILMU PERNIAGAAN

"Contonya, kita ada satu kepakaran membuat nasi lemak yang terbaik. Kita boleh buat nasi lemak itu, tapi nak menjual adalah satu benda yang lain. Nak bagi orang tahu pasal nasi lemak pun satu benda yang lain. Semuanya perlu belajar untuk dapat ilmu.

Belajar pula kena daripada guru yang terbukti berhasil. *If you want the best knowledge, pergi kepada guru yang the best. But you have to pay the price,*" nasihatnya

### KEDUA, TRUST THE PROCESS

"Kalau kita nak belajar jadi pemain badminton peringkat dunia, *coach* itu cakap kena berlari 5km sehari, kena berlailah. Kalau dia kata kena diet, *you* kena dietlah.

*To be a champion, you have to go through the process and the process ini you kena trust,*" tambahnya.

### KETIGA, JANGAN TAKUT BERBELANJA UNTUK MARKETING AND BRANDING

"Ini untuk buat orang kenal dan nampak 2. kita, tenang membeli dan tergila-gila nak beli barang atau servis kita. *The more you invest* dalam *marketing, the more you will get.* *Marketing* penting untuk naikan kita punya jenama.

Satu lagi *investment* yang perlu buat dalam *marketing* ini adalah media sosial. Saya ada *team* media sosial yang buat *posting* setiap hari. Kita *spend* duit lagi untuk *join exhibition* peringkat *international* dan saya pernah diberi peluang untuk jadi *speaker* naik *stage,*" katanya lagi mengakhiri perbualan.



# 7 CARA KEKAL FOKUS UNTUK CAPAI MATLAMAT

Setiap usahawan yang berjaya pasti pernah ada masalah untuk kekal fokus apabila perhatian mereka terganggu dengan perkara-perkara lain yang kadang-kadang tak penting pun.

Jadi jika anda rasa sukar untuk kekal fokus, anda tidak keseorangan.

Mungkin anda mudah terganggu daripada tugas harian oleh media sosial, mesyuarat, panggilan telefon, drama dan sebagainya.

Sudah tiba masanya anda belajar bagaimana untuk kekal fokus dan mampu mencapai matlamat anda tanpa gangguan.

## 1 MULAKAN HARI ANDA DENGAN PRODUKTIF

Kita hidup di dalam era dunia digital di mana media sosial menjadi salah-satu platform untuk membuat hebahan tentang perkembangan semasa diri sendiri mahupun keadaan sekeliling.

Tak ada salahnya jika anda mengumumkan pencapaian pekerja anda di media sosial. Mereka akan nampak penghargaan yang anda berikan kepada mereka.

## 2 FOKUS PADA APA YANG ANDA HASILKAN

Kejayaan anda untuk hasilkan sesuatu bergantung kepada diri anda sendiri. Jika

anda ada sebab yang besar, pasti anda akan ada cara untuk pastikan ianya berjaya.

Mempelajari cara untuk kekal fokus pada matlamat adalah dengan mengaitkan tugas yang ada dengan tujuan utama anda dalam hidup.

Bagaimana tugas ini dapat membantu anda mencapai hasil yang anda inginkan?

Bayangkan diri anda telah menyelesaikan tugas dan dapat capai matlamat yang anda impikan. Pasti seronok jika anda berjaya bukan?

Fokus pada matlamat anda dan terus lakukan tugas sehingga selesai.

## 3 HILANGKAN GANGGUAN DI SEKELILING

Mudah terganggu dengan bunyi telefon bimbit? Atau gatal tangan nak buka media sosial setiap kali terpendang telefon anda?

Buat sementara waktu, letak telefon anda di tempat yang anda tak nampak setiap kali melakukan tugas. Pastikan juga telefon berada di dalam mode silent.

Tak salah ada telefon kedua khas untuk kerja-kerja anda. Jika anda seorang usahawan, buat lah pelaburan sedikit untuk kesenangan syarikat. Jika anda pekerja pula, buatlah permintaan pada syarikat dengan alasan yang munasabah.

Gangguan daripada rakan sekerja? Tak perlu



layan. Lama kelamaan mereka sendiri akan faham tuntutan kerja anda.

## 4 JANGAN BUAT BANYAK KERJA DALAM SATU MASA

Perasan tak, kalau anda cari kerja di Jobstreet, Indeed atau website yang seumpama dengannya, pasti salah satu daripada syarat kelayakan memohon kerja di kebanyakan syarikat adalah, boleh buat lebih dari satu kerja.

Tahu buat tak bermakna anda kena buat semua kerja di dalam satu masa. Selesaikan satu persatu agar anda mahir dengan tugas anda.

Kajian mendapati bahawa kapasiti memori orang yang buat lebih dari satu kerja dalam satu-satu masa lebih teruk dari mereka yang fokus dengan satu tugas sahaja. Jadi, terus fokus pada satu tugas dalam satu masa.

## 5 MENCIPTA RUANG YANG PRODUKTIF

Anda akan lebih fokus jika berada di dalam ruangan yang bersih dan tiada gangguan bunyi yang mengganggu.

Bunyi seperti keluhan, hon kereta, pertengkaran, projek bangunan akan buat anda tertekan untuk lebih fokus dengan tugas.

Jika tiada pilihan tempat yang tenang, pakai *headphone* untuk mengurangkan gangguan bunyi tersebut.

Susun ruang kerja anda dan hiasan dengan gaya yang memberi inspirasi serta menaikkan semangat untuk anda bekerja.

Bekerja di dalam ruangan yang anda selesa, otak anda akan lebih fokus.

## 6 REHAT SECUKUPNYA

Rehat mana pernah cukup, betul tak? Ada sesetengah orang jika dah mula rehat, sampai satu atau dua jam pun tak cukup.

Jangan begitu. Rehat dalam masa 10 ke 15 minit sudah mencukupi. Yang penting pastikan anda benar-benar rehat.

Lupakan tugas seketika, pergi berjalan-jalan, minum air dan makan snek kegemaran anda. Jika perlu, tidur seketika.

Ini akan memberi peluang otak untuk mengecas semula dan membuatkan anda lebih fokus.

## 7 CARI PEMBIMBING ANDA

Mempelajari cara untuk kekal fokus adalah proses melatih semula otak anda untuk lebih relaks.

Ia pasti mengambil masa namun berbaloi untuk anda sentiasa bertenaga untuk melakukan tugas yang diberi.

Adalah penting juga mempunyai seseorang untuk membantu memberitahu apa yang anda lakukan betul atau salah.

Kadang-kadang kita tak perasan apa yang kita lakukan benar-benar membuat kita fokus atau tidak.

Hasil bimbingan juga membantu memberi anda perspektif dan membuat anda terus fokus pada perkara yang penting.

Praktikkan 7 cara ini dan anda akan lebih fokus dalam meningkatkan kerjaya serta kehidupan anda.



RICHWORKS

**TITANIUM**

YOUR SUCCESS PARTNER

# ADAKAH ANDA PERLUKAN BIMBINGAN?

## ADAKAH ANDA TITANIUM SETERUSNYA?

Ini Peluang Anda Untuk Bina Bisnes  
**BETTER | FASTER | EASIER**

Sejak 2015, Richworks Titanium telah membimbing lebih dari 1000 usahawan dan perniagaan secara intensif menerusi program mentoring dan coaching. Program ini telah memberi impak yang sangat tinggi dan kami berjaya mencecah jualan terkumpul sebanyak RM 3.5 billion pada tahun 2022.

### Datuk Wira Dr Azizan Osman

D.C.S.M, CA(M), FCMA(UK), CIMA(UK),  
CGMA(UK), FCIM(UK), MCFI ChMC(UK),  
FICBC(US), MScM (Salford, UK), LL.M. (Cumbria, UK),  
Affiliate MAICSA, DBA, PhD BA (AeU),  
Professor of Practice (AeU)  
Business Growth Consultant & Mentor

**RICHWORKS®**

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10 THE TITAN

RICHWORKS INTERNATIONAL SDN BHD (909099-W)  
77, Jalan Badminton 13/29, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Hotline: 019- 244 2244



*E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN*

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE  
**TITAN**

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.